Aszahaddi bin Abu Hassan lwn Pendakwa Raya

A

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO P-05–48 TAHUN 2006
SURIYADI, HASAN LAH DAN AHMAD MAAROP HHMR
24 NOVEMBER 2010

B

Keterangan — Saksi — Kebolehpercayaan — Sama ada cubaan pendakwaan memasukkan percakapan dalam keterangan di bawah s 32(1)(i) Akta Keterangan 1950 terpakai

C

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 39B — Pengedaran dadah berbahaya — Sama ada kes prima facie dibuktikan — Sama ada percanggahan keterangan menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan — Sama ada kegagalan pendakwaan memanggil saksi melemahkan kes pendakwaan — Sama ada wujud anggapan pengetahuan di bawah s 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952

D

E

Ini adalah rayuan perayu terhadap kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama. Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap perayu dan memerintahkan perayu untuk membela dirinya. Perayu memberikan keterangan bersumpah bahawa dia tidak mengetahui tentang beg tersebut dan juga kandungannya kerana perayu hanyalah seorang pembonceng. Perayu telah disabit dan dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi dan merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan tersebut atas perkara-perkara berikut: (i) berhubung isu soal beban pembuktian di akhir kes pendakwaan; (ii) kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi lain memberi keterangan; (iii) percanggahan keterangan antara saksi iaitu SP6 dan SP7 dengan keterangan SP8 serta kekurangan/kecacatan dalam kes pihak pendakwaan; dan (iv) sama ada hakim bicara telah gagal menimbangkan pembelaan perayu.

F

G

H

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Beban yang dipikul oleh pihak pendakwaan di akhir kes pendakwaan ialah membuktikan kes prima facie. Mahkamah bicara mestilah membuat penilaian maksima ke atas keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan memutuskan sama ada di akhir kes pihak pendakwaan satu kes prima facie telah dibuktikan terhadap perayu. Mahkamah bicara juga mestilah membuat penilaian yang maksima ke

I

A atas keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Di atas fakta hakim bicara telah menggunakan ujian tersebut dan beliau telah tidak melakukan salah arah (lihat perenggan 14,16–18); *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301, dan *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65 dirujuk.

B (2) Keterangan SP6 dan SP7 saling sokong menyokong di antara satu dengan yang lain dalam butir-butir yang material tentang apa yang berlaku dari masa mereka nampak ketibaan perayu sehinggalah perayu ditangkap. Hakim bicara tidak membuat kesilapan dalam menerima dan C menggunakan keterangan mereka dan telah membuat kesimpulan yang betul dalam memutuskan bahawa perayu mempunyai pengetahuan tentang dadah dalam kawalan dan jagaannya itu (lihat perenggan 20 & 22).

D (3) Mahkamah mestilah menimbangkan kesan keseluruhan keadaan sekeliling dalam kes dan satu inferens boleh dibuat bahawa perayu mempunyai pengetahuan tentang dadah berbahaya dalam beg P11. Mahkamah berpandangan, keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan menunjukkan *nexus* di antara kelakuan perayu dengan lima E ketulan dadah berbahaya yang ada dalam kawalan dan jagaannya. Kelakuan perayu dipengaruhi oleh 'fact in issue' (lihat perenggan 23); *Abdullah Zawawi bin Yusoff v Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 1 dirujuk.

(4) Hakim bicara, dalam menilai sama ada elemen pengedaran telah dibuktikan, telah menimbangkan sama ada pihak pendakwa telah F membuktikan bahawa lima ketulan mampat adalah kanabis dan beratnya adalah 200g atau lebih. Hakim bicara juga telah menilai keterangan SP5 dan mendapati bahawa SP5 adalah saksi pakar dan menerima keterangan SP5 tentang analisa yang telah dijalankan dan memutuskan bahawa lima ketulan mampat adalah dadah berbahaya. G Anggapan di bawah s 37(da) ADB adalah terpakai dan perayu dianggap telah mengedar 4,562g kanabis. Beliau memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu. Berdasarkan kepada keterangan yang terdapat dalam rekod rayuan, mahkamah memutuskan bahawa hakim bicara telah membuat H keputusan yang betul (lihat perenggan 26–27).

(5) Di atas fakta, tidak terdapat 'withholding or suppression of evidence' oleh pihak pendakwaan. Mahkamah berpendapat Mohd Sabri bukanlah saksi yang kehadirannya diperlukan untuk membentangkan naratif kes pihak pendakwaan (*essential to the unfolding of the narrative of the prosecution* I *case*). Dengan itu, hakim bicara adalah betul apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap perayu (lihat perenggan 28); *Teoh Hoe Chye v Public Prosecutor; Yeap Teong Tean v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 220 dan *Ti Chuee Hiang v Public Prosecutor* [1995] 2 MLJ 433 dirujuk.

(6) Dapatan-dapatan yang dibuat oleh hakim bicara bergantung kepada kebolehpercayaan saksi-saksi pihak pendakwaan di satu pihak dan kebolehpercayaan perayu di satu pihak yang lain. Setelah menimbangkan dengan teliti keterangan yang ada dalam rekod rayuan kes ini, mahkamah memutuskan bahawa hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila beliau mendapati perayu bersalah dan mensabitkannya atas kesalahan mengedar dadah berbahaya (lihat perenggan 31).

[English summary

This was the appeal by the appellant against the offence of drug trafficking under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') punishable under s 39B(2) of the same Act. The High Court concluded that the prosecution had established a prima facie case against the appellant and ordered the appellant to enter his defence. The appellant gave evidence on oath that he had no knowledge about the bag and its content as the appellant was only a co-rider. The appellant was convicted and sentenced to death by the High Court and appealed to the Court of Appeal against the decision based on the following issues: (i) with regards to the issue of burden of proof at the end of the prosecution's case; (ii) the failure by the prosecution to call other witnesses to testify; (iii) the contradictions between the testimony of the witnesses ie SP6 and SP7 with the testimony of SP8 as well as the defect/irregularities in the prosecution's case; and (iv) whether the trial judge had failed to consider the appellant's defence.

Held, dismissing the appeal:

(1) The burden borne by the prosecution at the end of the prosecution's case was to prove a prima facie case. The trial court must make a maximum evaluation to the evidence adduced by the prosecution and decide whether at the end of the prosecution's case, a prima facie case had been proved against the appellant. The trial judge also must make a maximum evaluation on all the evidence adduced by the prosecution. On the fact the trial judge had applied the test and he was not misdirected (see paras 14,16–18); *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301, and *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65 referred.

(2) The testimony by SP6 and SP7 corroborated each other in the material facts on what had taken place from the time they saw the arrival of the appellant until his arrest. The trial judge had not erred in admitting and applying their testimony and had come to the correct conclusion in determining that the appellant had the knowledge of the drugs in his custody and control (see paras 20 & 22).

(3) The court must consider all the surrounding circumstances of the cases and an inference could be drawn that the appellant had the knowledge of the dangerous drugs in the bag P11. The court was of the view that the

evidence adduced by the prosecution showed the nexus between the appellant's demeanour with the five slabs of dangerous drugs which were in his custody and control. The appellant's demeanour was influenced by the fact in issue (see para 23); *Abdullah Zawawi bin Yusoff v Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 1 referred.

(4) The trial judge, in evaluating whether the element of trafficking had been proved, had considered whether the prosecution had proved that the five compressed slabs were cannabis and weighed 200g or more. The trial judge had also evaluated the evidence of SP5 and found that SP5 was an expert witness and had accepted the testimony by SP5 on the analysis which was conducted and concluded that the five compressed slabs were dangerous drugs. The presumption under s 37(da) of the DDA was applicable and the appellant was presumed to be trafficking 4,562g of cannabis. He came to a decision that the prosecution had established a prima facie case against the appellant. Based on the evidence contained in the record of appeal, the court decided that the trial judge had come to the right decision (see paras 26–27).

(5) On the facts there was no withholding or suppression of evidence by the prosecution. The court was of the view that Mohd Sobri was not the witness whose attendance was essential to the unfolding of the narrative of the prosecution case. Thus, the trial judge was right when he decided that the prosecution had proved a prima facie case against the appellant (see para 28); *Teoh Hoe Chye v Public Prosecutor; Yeap Teong Tean v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 220 and *Ti Chuee Hiang v Public Prosecutor* [1995] 2 MLJ 433 referred.

(6) The findings of the trial judge depended on the reliability of the prosecution's witnesses on one hand and the reliability of the appellant on the other. Upon careful consideration of the evidence in the record of appeal of this case, the court decided that the trial judge had came to the right decision when he found that the appellant was guilty and convicted him for the offence of trafficking in dangerous drugs (see para 31).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kebolehpercayaan saksi, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 3029–3086.

Untuk kes-kes mengenai s 39B Akta Dadah Bebahaya 1952, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 378–430.

Kes-kes yang dirujuk

Abdullah Zawawi v PP [1985] 2 MLJ 16, MA (dirujuk)
Abdullah Zawawi bin Yusoff v PP [1993] 3 MLJ 1, MA (dibeza)
Andy bin Bagindah v PP [2000] 3 MLJ 644; [2003] AMR 2611, MR (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301, MP (dirujuk)

Dato Mokhtar bin Hashim v PP [1983] 2 MLJ 232, MP (diikut)
Jamaludin bin Md Kassim v PP [2010] 3 MLJ 221, MR (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, MR (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169, MA (dirujuk)
Mohd Shamshir bin Md Rashid v PP [2008] 5 MLJ 80; [2008] 5 AMR 29, MR (dirujuk)
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492, MA (dirujuk)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19, MP (dirujuk)
PP v Ouseng Sama-Ae [2008] 1 CLJ 337, MR (dirujuk)
Teoh Hoe Chye v PP; Yeap Teong Tean v PP [1987] 1 MLJ 220, MA (dirujuk)
Ti Chuee Hiang v PP [1995] 2 MLJ 433, MA (tidak diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(d), 37(da), 39B(1)(a), 39B(2)
Akta Keterangan 1950 ss 31(1)(i), 114(g)
Kanun Prosedur Jenayah s 112

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–34 Tahun 2001 (Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang).

Jagdeep Singh Deo (Karpal Singh & Co) bagi pihak perayu.
Munahyza Bt Mustafa (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Ahmad Maarop HMR:

PERTUDUHAN

[1] Dalam kes ini, perayu — Aszahaddi telah dituduh dengan kesalahan mengedar dadah berbahaya, iaitu 4,562g kanabis pada 10 Disember 2000 lebih kurang jam 12.45 pagi di laluan motosikal, Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang, suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama. Mahkamah Tinggi telah mendapati Aszahaddi bersalah, mensabitkannya dan mengenakan hukuman mati ke atasnya. Aszahaddi telah mengemukakan rayuan ke Mahkamah Rayuan.

KES PIHAK PENDAKWAAN

[2] Pada 9 Disember 2000 jam lebih kurang 11 malam, K/Insp Abd Azik bin Saat ('SP6') yang pada ketika itu bertugas sebagai penguasa trafik di Cawangan Trafik, Ibu Pejabat Polis Daerah ('IPD'), Seberang Perai Tengah, telah mengetuai sepasukan seramai 15 orang anggota polis trafik dari cawangan yang sama termasuk Koperal Tajuddin bin Deraksa ('SP7') menjalankan operasi 'snap check' motosikal. Operasi tersebut dijalankan di kawasan Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang. Operasi tersebut tertumpu kepada

pengguna-pengguna motosikal yang melalui Tol Jambatan Pulau Pinang. Tujuan operasi tersebut ialah memantau dan mengesan kesalahan trafik yang melibatkan pengguna-pengguna motosikal. Kesemua anggota polis yang menjalankan operasi *snap check* tersebut memakai uniform.

[3] Semasa menjalankan operasi tersebut, SP6 bersama-sama SP7 telah mengambil tempat di satu kedudukan *sebelum* pondok tol motosikal (di tiang dalam gambar P3A). Manakala anggota-anggota pasukan SP6 yang lain berada di kedudukan *selepas* pondok tol motosikal dan mengadakan sekatan jalan raya di situ. Jarak di antara kedudukan SP6 dan SP7 dengan anggota-anggota pasukan mereka yang lain adalah lebih kurang 50 meter. Manakala jarak di antara kedudukan SP6 dan SP7 dengan pondok tol motosikal adalah lebih kurang 10 meter. Keadaan lalu-lintas pada ketika itu kurang sesak dan keadaan cuaca adalah baik. Keadaan cahaya di sekitar kawasan operasi tersebut adalah terang kerana terdapat cahaya dari lampu-lampu *spot light* di sekitar kawasan tersebut.

[4] Pada jam 12.45 pagi 10 Disember 2000, SP6 nampak sebuah motosikal yang dinaiki oleh dua orang berhenti di rumah tol (dalam gambar P3B). Pembonceng motosikal tersebut (Aszahaddi) telah turun dari motosikal tersebut sambil membimbit sebuah beg (P11) di tangan kanannya dan memegang topi keledar (P12) di tangan kirinya. Aszahaddi berjalan ke arah sebelah kanan melintasi tembok penghalang (divider) dan menuju ke pondok tol No 10 (gambar P3B, C dan D) yang pada ketika itu tidak beroperasi.

[5] Merasa curiga dengan kelakuan Aszahaddi itu SP6 dan SP7 telah mengekorinya. Apabila sampai di pondok tol No 10 tersebut, SP6 dan SP7 mendapati Aszahaddi sedang duduk mencangkung sambil memegang beg (P11). SP6 menyatakan bahawa pada ketika itu Aszahaddi kelihatan takut dan cemas. SP6 telah memperkenalkan dirinya sebagai polis dan mengarahkan Aszahaddi untuk membuka beg (P11) yang dipegangnya. Aszahaddi telah membuka beg tersebut. Hasil pemeriksaan dalam beg tersebut SP6 telah menjumpai lima ketulan mampat daun-daun kering yang dibalut dengan plastik lutsinar (P5B1–B5) yang disyaki dadah jenis kanabis. Dalam pemeriksaan badan yang seterusnya telah dijalankan ke atas Aszahaddi, SP6 telah merampas sebuah telefon bimbit (P13).

[6] Setelah dianalisa, Ahli Kimia Jabatan Kimia Pulau Pinang, Khairulzzaman bin Mustafa ('SP5') mengesahkan bahawa lima ketulan mampat daun-daun kering tersebut (P5B1–B5) adalah kanabis seberat 4,562g. Kanabis tersebut adalah sejenis dadah berbahaya di bawah ADB.

[7] Di akhir kes pihak pendakwaan, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap

Aszahaddi dan memerintahkan Aszahaddi untuk membela dirinya.

PEMBELAAN ASZAHADDI

[8] Aszahaddi telah memberi keterangan secara bersumpah. Intipati keterangannya adalah seperti berikut. Menurut Aszahaddi dalam bulan Disember 2000, dia belajar di Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur. Pada 10 Disember 2000 dia telah datang ke Pulau Pinang dengan menaiki bas dari Kuala Lumpur. Dia datang ke Pulau Pinang untuk menyertai majlis berbuka puasa dan *reunion* bagi bekas pelajar-pelajar sekolah lamanya — Sekolah Menengah Tun Syed Shahabudin. Aszahaddi mendakwa apabila sampai di terminal bas di Butterworth pada jam 11 malam 9 Disember 2000, dia telah dijemput oleh seorang kawannya bernama Mohd Sabri, dengan menaiki motosikal. Aszahaddi mendakwa bahawa pada masa itu dia nampak beg P11 berada di dalam raga motosikal tersebut. Menurut Aszahaddi, dia tidak tahu beg tersebut dipunyai oleh siapa dan dia tidak tahu apa kandungan beg tersebut. Dari Terminal Bas Butterworth, Aszahaddi dan Mohd Sabri bergerak menuju ke Jambatan Pulau Pinang untuk pergi ke Pulau Pinang dengan motosikal tersebut yang ditunggang oleh Mohd Sabri dengan Aszahaddi sebagai pembonceng.

[9] Meneruskan keterangannya, Aszahaddi menyatakan bahawa apabila mereka sampai di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang dia nampak ada satu sekatan jalan raya polis selepas pondok tol di lorong motosikal. Menurut Aszahaddi, semasa motosikal tersebut sedang beratur untuk membayar tol, dia telah turun dari motosikal yang diboncengnya dan pergi ke satu kawasan lanskap berhampiran dengan pondok tol No 10 (dalam gambar P3C) untuk membuang air kecil. Menurut Aszahaddi, masa dia turun dari motosikal tersebut beg P11 masih ada dalam raga motosikal. Aszahaddi mendakwa semasa sedang buang air kecil dia telah didatangi oleh SP7 yang telah meminta kad pengenalannya. Seterusnya SP7 telah membawanya ke sebuah pondok tol lain di mana beg P11 berada. Di situ, SP7 telah menyuruh Aszahaddi mengaku sebagai tuan punya beg P11. Aszahaddi enggan mengaku. Dia mendakwa dia telah dipukul.

HUJAH PEGUAM ASZAHADDI

[10] Di hadapan kami peguam yang mewakili Aszahaddi telah menimbulkan hujah tentang perkara-perkara berikut:

(a) soal beban pembuktian di akhir kes pendakwaan;

(b) kegagalan pihak pendakwaan memanggil Mohd Sabri memberi keterangan;

(c) percanggahan keterangan SP6 dan SP7 dengan keterangan SP8 serta kekurangan/kecacatan dalam kes pihak pendakwaan; dan

(d) kegagalan YA hakim menimbangkan dengan sewajarnya pembelaan Aszahaddi.

[11] Di akhir hujahnya peguam Aszahaddi menyatakan secara alternatif bahawa sehabis buruk bagi Aszahaddi sekali pun, kes terhadapnya hanyalah bagi kesalahan memiliki dadah berbahaya.

[12] Kami akan memperkatakan tentang perkara-perkara tersebut walaupun bukan mengikut urutan perkara-perkara tersebut dihujahkan oleh peguam Aszahaddi.

KEPUTUSAN

Soal beban pembuktian di akhir kes pendakwaan

[13] Peguam Aszahaddi berhujah bahawa dengan merujuk kepada *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734 tanpa merujuk kepada *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301, hakim bicara telah menggunakan beban pembuktian yang salah di akhir kes pendakwaan kerana menurut peguam Aszahaddi, *Balachandran v Public Prosecutor* telah menetapkan beban pembuktian yang lebih tinggi di akhir kes pihak pendakwaan. Sehubungan ini di dalam hujah bertulis ringkasnya peguam menyatakan:

> *Balachandran* stipulates that the trial judge ought to ask himself a question at the end of the prosecution case, namely, 'if the accused were to remain silent upon being called to enter his defence, would the court be in a position to convict him based solely upon the evidence adduced by the prosecution at the end of the prosecution case'?
>
> It is submitted that this question if asked would have required the learned trial judge to specifically address his mind as to whether the evidence adduced by the prosecution at the end of the prosecution case was of such a nature that it could be said that a beyond reasonable doubt case had been proven against the appellant.

[14] Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Dengan segala hormatnya, peguam Aszahaddi telah membuat tafsiran yang tidak tepat tentang penghakiman dalam *Balachandran v Public Prosecutor*. Dalam *Balanchandran v Public Prosecutor* Mahkamah Persekutuan telah menjelaskan bahawa beban yang dipikul oleh pihak pendakwa di akhir kes pendakwaan ialah membuktikan kes prima facie. Ini jelas dari penghakiman Augustine Paul HMR (pada masa itu) yang menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan:

[21] Section 180(1) makes it clear that the standard of proof on the prosecution at the close of its case is to make out a prima facie case while s 182A(1) enunciates that at the conclusion of the trial the court shall consider all the evidence adduced and decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt. The standard of proof on the prosecution at the end of its case and at the end of the whole case has thus been statutorily spelt out in clear terms. The submission made must therefore be ratiocinated against the background of the meaning of the phrase 'prima facie case' in s 180. Section 180(2) provides that the court shall record an order of acquittal if a prima facie case has not been made out while s 180(3) provides that if a prima facie case has been made out the accused shall be called upon to enter his defence. A prima facie case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal.

The phrase 'prima facie case' is defined in similar terms in *Mozley and Whiteley's Law Dictionary*, (11th Ed) as:

> A litigating party is said to have a prima facie case when the evidence in his favour is sufficiently strong for his opponent to be called on to answer it. A prima facie case, then, is one which is established by sufficient evidence, and can be overthrown only by rebutting evidence adduced by the other side. A litigating party is said to have a prima facie case when the evidence in his favour is sufficiently strong for his opponent to be called on to answer it. A prima facie case, then, is one which is established by sufficient evidence, and can be overthrown only by rebutting evidence adduced by the other side.

[22] The result is that the force of the evidence adduced must be such that, if unrebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts exist or did happen. On the other hand if a prima facie case has not been made out it means that there is no material evidence which can be believed in the sense as described earlier. In order to make a finding either way the court must, at the close of the case for the prosecution, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established. As the trial is without a jury it is only with such a positive evaluation can the court make a determination for the purpose of ss 180(2) and (3). Of course in a jury trial where the evaluation is hypothetical the question to be asked would be whether on the evidence as it stands the accused could (and not must) lawfully be convicted. That is so because a determination on facts is a matter for ultimate decision by the jury at the end of the trial. Since the court, in ruling that a prima facie case has been made out, must be satisfied that the evidence adduced can be overthrown only by evidence in rebuttal it follows that if it is not rebutted it must prevail. Thus if the accused elects to remain silent he must be convicted. The test at the close of the case for the prosecution would therefore be; Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a prima facie case has been

made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no prima facie case.

[15] Mahkamah Persekutuan juga menjelaskan bahawa prima facie kes bukan kes yang telah dibuktikan *beyond reasonable doubt*:

> [23] As the accused can be convicted on the prima facie evidence it must have reached a standard which is capable of supporting a conviction beyond reasonable doubt. *However it must be observed that it cannot, at that stage, be properly described as a case that has been proved beyond reasonable doubt*. Proof beyond reasonable doubt involves two aspects. While one is the legal burden on the prosecution to prove its case beyond reasonable doubt the other is the evidential burden on the accused to raise a reasonable doubt. Both these burdens can only be fully discharged at the end of the whole case when the defence has closed its case. *Therefore a case can be said to have been proved beyond reasonable doubt only at the conclusion of the trial upon a consideration of all the evidence adduced as provided by s 182A(1) of the Criminal Procedure Code*. That would normally be the position where the accused has given evidence. However, where the accused remains silent there will be no necessity to re-evaluate the evidence in order to determine whether there is a reasonable doubt in the absence of any further evidence for such a consideration. The prima facie evidence which was capable of supporting a conviction beyond reasonable doubt will constitute proof beyond reasonable doubt.
>
> [24] *It follows that the submission of counsel that the burden on the prosecution at the close of its case is to make out a case which is beyond reasonable doubt and not on a prima facie basis is contrary to the clear and plain language of s 180 and s 182A. It cannot therefore be sustained*. (Penekanan ditambah.)

[16] Seperti yang jelas dari penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam *Balachandran v Public Prosecutor* yang telah kami petik, ujian di akhir kes pendakwaan ialah — adakah keterangan mencukupi untuk mensabitkan orang kena tuduh jika dia memilih untuk berdiam diri bila pembelaan dipanggil? Jika jawapannya ialah 'ya', maka satu kes prima facie telah terbukti:

> The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if the elects to remain silent? Is the answer is in the affirmative then a prima facie case has been made out.

[17] Ujian yang serupa juga telah ditetapkan di akhir kes pendakwaan oleh mahkamah ini dalam *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* — YA hakim bicara hendaklah menanya dirinya — Jika saya memutuskan untuk memanggil orang kena tuduh membela dirinya dan dia memilih untuk berdiam diri, adakah saya bersedia untuk mensabitkannya di atas keseluruhan keterangan dalam kes pihak pendakwaan? Jika jawapannya 'tidak' maka prima kes tidak

terbukti. Tetapi sebelum itu mahkamah bicara mestilah membuat penilaian yang maksima ke atas keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Ini jelas dari penghakiman Gopal Sri Ram HMR (pada masa itu) di ms 81 (MLJ); 752 (CLJ):

> It therefore follows that there is only one exercise that a judge sitting alone under s 180 of the Code has to undertake at the close of the prosecution case. *He must subject the prosecution evidence to maximum evaluation and ask himself the question; If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case? If the answer is in the negative then no prima facie case has been made out and the accused would be entitled to an acquittal*. (Penekanan ditambah.)

[18] Dalam pengamatan kami ujian itulah yang telah digunakan oleh YA hakim bicara dalam kes ini dalam memutuskan sama ada di akhir kes pihak pendakwaan satu kes prima facie telah dibuktikan terhadap Aszahaddi. Dalam penghakiman kami YA hakim bicara telah tidak melakukan salah arah.

Percanggahan di antara keterangan SP6 dan SP7 dengan keterangan SP8

[19] Dalam keterangan mereka SP6 dan SP7 menyatakan bahawa Aszahaddi turun dari motosikal dan membimbit sebuah beg di tangan kanan dan memegang topi keledar di tangan kiri. Peguam berhujah bahawa ini bercanggah dengan keterangan C/Insp Abdul Latif Mahat, pegawai penyiasat ('SP8') yang telah memberikan keterangan bahawa dia 'tidak siasat beg P11 boleh dimasukkan dalam raga motosikal sebab tangkapan dilakukan masa orang kena tuduh pegang barang kes sebuah beg hijau di tangan kiri'.

[20] Dalam penghakiman kami percanggahan tersebut adalah satu percanggahan yang kecil dan tidak menjejaskan kes pihak pendakwaan. Apa yang lebih penting ialah SP8 tidak ada di tempat kejadian pada masa yang material. Yang ada di tempat kejadian ialah SP6 dan SP7. Mereka telah memerhatikan ketibaan Aszahaddi di rumah tol di Jambatan Pulau Pinang dengan membonceng sebuah motosikal. Mereka telah memerhatikan Aszahaddi turun dari motosikal tersebut dengan membimbit sebuah beg (P11) dengan tangan kanannya dan memegang topi keledar di tangan kirinya, dan berjalan ke arah sebelah kanan melintasi tembok (*divider*) dan menuju ke pondok tol No 10 SP6 dan SP7 seterusnya telah mengekori Aszahaddi dan apabila sampai di pondok tol No 10 mereka dapati Aszahaddi sedang duduk mencangkung sambil memegang beg (P11). Keterangan SP6 dan SP7 itu saling sokong menyokong di antara satu dengan yang lain dalam butir-butir yang material tentang apa yang berlaku dari masa mereka nampak ketibaan Aszahaddi sehinggalah Aszahaddi ditangkap dan beg P11 (yang mengandungi lima ketulan mampat daun-daun kering) dirampas. Setelah membuat penilaian maksima YA hakim bicara telah menerima keterangan mereka.

Setelah menimbang sendiri keterangan SP6 dan SP7 dalam rekod rayuan, kami berpuas hati bahawa YA hakim bicara telah tidak membuat kesilapan dalam menerima dan menggunakan keterangan mereka untuk membuat keputusan beliau dalam kes ini.

[21] Peguam Aszahaddi juga berhujah bahawa pegawai penyiasat dalam kes ini gagal membuat siasatan sama ada wujudnya kamera yang merakamkan apa yang berlaku di plaza tol. Peguam juga menambah bahawa pegawai penyiasat tidak cuba mengesan cap jari dari plastik yang membalut lima ketulan mampat dalam kes ini. Menurut peguam kegagalan penyiasatan yang sedemikian itu membawa padah dan menimbulkan keraguan dalam kes pihak pendakwaan. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Seperti yang diputuskan oleh YA hakim bicara (dan kami bersetuju dengan keputusan itu) keterangan SP6 dan SP7 adalah mencukupi untuk membuktikan apa yang telah dilakukan oleh Aszahaddi dari masa motosikal yang diboncengnya sampai dan berhenti ke pondok tol di tempat kejadian dan dia turun dari motosikal tersebut sehingga masa dia ditangkap oleh SP6 dan SP7 dengan beg P11 yang mengandungi lima ketulan mampat tersebut. Berdasarkan kepada keterangan SP6 dan SP7 YA hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan secara afirmatif bahawa Aszahaddi mempunyai pemilikan (*mens rea possession*) lima ketulan mampat kanabis (P5B1 hingga P5B5) dalam beg P11 tanpa bergantung kepada anggapan di bawah sub-s 37(d) ADB. Dalam penghakimannya YA hakim bicara telah menghuraikan bagaimana beliau membuat keputusan tersebut. Pertama, beliau telah membuat dapatan bahawa Aszahaddi mempunyai kawalan dan jagaan ke atas dadah P5B1 hingga P5B5 dalam beg P11. Ini adalah elemen pertama yang mesti dibuktikan oleh pihak pendakwaan (lihat *Public Prosecutor v Ouseng Sama-Ae* [2008] 1 CLJ 337, *Jamaludin bin Md Kassim v Public Prosecutor* [2010] 3 MLJ 221). Sehubungan ini dalam penghakimannya YA hakim bicara menyatakan:

> *Dalam kes ini sejurus sebelum ditangkap dan semasa ditangkap OKT membimbit beg (P11) yang mengandungi kanabis P5B(1) hingga P5B(5). Dari mula dia dilihat turun dari motosikalnya hingga ditangkap dadah P5B(1) hingga P5B(5) berada dengan OKT. Saya dapati masa ditahan OKT mempunyai kawalan dan jagaan atas beg berserta semua kandungannya termasuk dadah P5B(1) hingga P5B(2).*

[22] Dalam pandangan kami YA hakim bicara telah membuat kesimpulan yang betul. Kemudian, dari keterangan di hadapannya YA hakim bicara memutuskan bahawa Aszahaddi mempunyai pengetahuan tentang dadah dalam kawalan dan jagaannya itu. Elemen pengetahuan ini juga mesti dibuktikan oleh pihak pendakwa. Berikut ini kami turunkan huraian YA hakim bicara dalam penghakimannya tentang kesimpulan beliau mengenai elemen ini:

Hanya dengan membuktikan jagaan dan kawalan tidak mencukupi untuk membukti pemilikan. Perlu juga dibuktikan bahawa OKT mengetahui tentang kewujudan dadah P5B(1) hingga P5B(2) dalam beg yang dibimbitnya. Berhubung perkara ini, adalah menjadi undang-undang mantap bahawa ianya boleh dirumus dari keadaan setiap kes. Adalah penting untuk mahkamah mengambil kira faktor-faktor sekeliling seperti dari mana dadah dijumpai, bagaimana ianya dijumpai, bagaimana ianya disimpan, berat dadah yang dijumpai dan sebagainya bagi membuat rumusan berhubung pengetahuan di pihak OKT (lihat *Public Prosecutor v Mardani Hussin* [2005] 7 CLJ 495, *Suretheran Selvaraja v Public Prosecutor* [2005] 2 CLJ 264.

Dalam kes *Leow Nghee Lim v Reg* [1956] MLJ 28 diputuskan 'the word possession implies some knowledge but not necessarily full and exact knowledge'. Hakim Taylor seterusnya menyatakan 'how much a man knows about things in, or apparently in, his possession is a matter of fact, to be inferred from all the circumstances. Dalam kes *Thong Peng Hong v Public Prosecutor* [1955] pula Thomas J ada berkata:

If something is found for example in a bag which I am carrying or in a box to which I hold the key it is extremely reasonable to suppose, unless I produce some satisfactory evidence to the contrary, that I know all about it.

Berbalik kepada kes ini, *fakta menunjukkan kanabis seberat 4,562g iaitu satu jumlah yang berat dijumpai dalam beg yang dibawa oleh OKT. Tindakan dan perlakuan OKT yang turun meninggalkan motosikal dan pergi berlindung di satu pondok tol yang tidak digunakan apabila menyedari di depannya terdapat satu sekatan jalan raya oleh polis menimbulkan inference bahawa OKT mengetahui kandungan beg P11*.

[23] Kami bersetuju dengan kesimpulan YA hakim bicara itu. Bukti tentang pengetahuan biasanya adalah suatu perkara inferens yang berubah dari kes ke kes. Pengetahuan boleh dibuktikan melalui inferens yang dibuat dari keadaan sekeliling. Mahkamah mestilah menimbangkan kesan keseluruhan keadaan sekeliling dalam kes ini (lihat *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19). Persoalan yang mesti diputuskan ialah sama ada inferens mesti dibuat bahawa Aszahaddi mempunyai pengetahuan tentang dadah berbahaya dalam beg P11. Dalam kes ini keterangan SP6 dan SP7 yang telah diterima oleh YA hakim bicara menunjukkan kelakuan Aszahaddi yang apabila menyedari di hadapannya terdapat satu sekatan jalan raya polis, telah turun meninggalkan motosikal yang diboncengnya dengan membimbit beg P11 yang mengandungi lima ketulan mampat kanabis dan pergi berlindung dengan mencangkung sambil memegang beg P11 di pondok tol No 10 yang tidak beroperasi, dan apabila didatangi oleh SP6 dan SP7, dia kelihatan takut dan cemas. Dalam penghakiman kami, setelah menimbangkan keseluruhan keadaan sekeliling yang baru kami rujuk itu hanya satu inferens yang boleh dibuat — Aszahaddi mempunyai pengetahuan tentang dadah berbahaya dalam beg P11. Dalam pandangan kami, keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan menunjukkan *nexus* di antara kelakuan Aszahaddi yang baru kami rujuk dengan lima ketulan dadah berbahaya yang ada dalam

kawalan dan jagaannya. Ertinya, tidak seperti kes *Abdullah Zawawi bin Yusoff v Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 1, kelakuan Aszahaddi dipengaruhi oleh 'fact in issue'. Kedudukan undang-undang mengenai kelakuan telah dihuraikan dalam *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor*, di mana dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan, Augustine Paul HMP menyatakan:

> The law relating to evidence of conduct is thus patent. If there is no evidence to show that the conduct is influenced by any fact in issue or relevant fact as required by s 8 then it is not admissible as it would then be an equivocal act justifying inferences favourable to the accused being drawn. If it satisfies the requirement of s 8 it is admissible. It must be observed that the degree of proof required to establish evidence of conduct would depend on the nature of the conduct. Conduct like the flight of an accused is a more positive act and is easily established. On the other hand conduct like the accused looking stunned, nervous, scared or frightened is very often a matter of perception and more detailed evidence may be required. *Once admitted the court cannot resort to any other explanation for the conduct or draw inferences on its own accord to render it inadmissible. The onus is on the accused to explain his conduct pursuant to s 9*. Such explanation must not be in their barest possible form, but with a reasonable fullness of detail and circumstance (see *R v Stephenson* (1904) 68 JP 524).
>
> ...
>
> It is now appropriate to consider the rationale of the court in explaining the conduct of the accused in running away in *Abdullah Zawawi bin Yusoff v Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 1; [1993] 4 CLJ 1 which formed the basis of the submission of the appellant. In that case the drugs were found in a house occupied by the accused, his wife and a third person. The court considered the evidence of possible access to the house by others, and in distinguishing the case from *Deputy Public Prosecutor v Brooks* [1974] 2 All ER 840, held that the conduct of the accused in running away was equally consistent with him having been in a state of pure panic even though he did not offer any explanation himself. On the other hand in *Director of Public Prosecutions v Brooks* [1974] 2 All ER 840 the accused was in the driver's seat of a stationary van with several others. There was drugs in the van. When the police approached the van all of them ran. The conduct of the accused in running away was held against him. The difference in both the cases is that in *Abdullah Zawawi Yusoff v Public Prosecutor* [1993] 4 CLJ 1 there was no evidence to show that the act of the accused in running away was influenced by any fact in issue or relevant fact within the meaning of s 8 in view of the possibility of access to the house by others. It is therefore not admissible on this ground as it is equivocal thereby justifying an inference in favour of the accused being drawn and ought to have been so ruled at an earlier stage of the trial. The case of *Abdullah Zawawi bin Yusoff v Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 1; [1993] 4 CLJ 1 is therefore authority only to this extent. *On the other hand in Director of Public Prosecutions v Brooks* [1974] 2 All ER 840 *there was evidence to show that the drugs were in the physical custody and control of the accused and his conduct of running away thus comes, in the Malaysian context, within the meaning of s 8. It is therefore admissible and cannot be explained away by the court itself by offering an explanation which is consistent with the innocence of the accused. The explanation must be offered by the accused himself as required by s 9*. (Emphasis added.)

[24] Kemudian, merujuk kepada fakta-fakta kes tersebut Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> In this case the reaction of the appellant in looking stunned or shocked upon being approached by the police is clearly admissible under s 8 since it has a direct bearing on the fact in issue as the drugs found were tucked away in the front of the jeans worn by him. *The explanation for his reaction must therefore be offered by he himself as required by s 9. The court cannot, on its own, offer an explanation for his reaction*. However, in his defence the appellant did not offer any explanation at all for his reaction upon being approached by the police. It can therefore be validly used as evidence against him. (Emphasis added.)

[25] Berbalik kes di hadapan kami, keterangan SP6 dan SP7 jelas membuktikan bahawa Aszahaddi mempunyai jagaan dan kawalan dadah berbahaya dalam beg P11. Dengan menggunapakai *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor*, bukan mahkamah yang patut memberikan penjelasan tentang kelakuan Aszahaddi yang telah kami rujuk tadi. Beban (*onus*) adalah di atas Aszahaddi untuk memberikan penjelasan tentang kelakuannya itu.

[26] Seterusnya, dalam menimbangkan sama ada elemen pengedaran dadah telah dibuktikan, YA hakim bicara telah menimbangkan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan bahawa lima ketulan mampat (P5B1–P5B5) adalah kanabis dan beratnya adalah 200g atau lebih. Untuk ini beliau telah menilai keterangan SP5 (lihat ms 278–284 rekod rayuan). Beliau mendapati bahawa SP5 adalah saksi pakar yang kompeten untuk menjalankan analisa ke atas barang kes dan memberi keterangan mengenainya. Seterusnya, YA hakim bicara menerima keterangan SP5 tentang analisa yang telah dijalankan olehnya dan memutuskan bahawa lima ketulan mampat (P5B1–P5B5) adalah dadah berbahaya, iaitu, kanabis seberat 4,562g. YA hakim bicara juga berpuas hati tiada terdapat *gap* dalam rantaian dalam keterangan mengenai pergerakan barang kes (dadah berbahaya) dalam kes ini, dan beliau memutuskan bahawa tiada keraguan bahawa barang kes yang dirampas oleh SP6 adalah barang kes yang telah dianalisa oleh SP5, dan seterusnya dikemukakan di mahkamah. Ini bererti bahawa anggapan di bawah s 37(da) ADB adalah terpakai dan Aszahaddi dianggap, telah mengedar 4,562g kanabis, sehingga dibuktikan sebaliknya. Dengan itu YA hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie terhadap Aszahaddi bagi tuduhan mengedar dadah berbahaya yang dihadapinya.

[27] Berdasarkan kepada keterangan yang terdapat dalam rekod rayuan yang telah kami timbangkan kami memutuskan bahawa YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul.

Kegagalan pihak pendakwaan memanggil Mohd Sabri untuk memberi keterangan

[28] Peguam berhujah bahawa Mohd Sabri adalah penunggang motosikal yang ditunggang oleh Aszahaddi pada masa yang material. Menurut peguam, Mohd Sabri bukanlah satu watak yang tidak wujud dan dia adalah saksi penting. Peguam berhujah bahawa sebab itulah pihak pendakwa telah cuba untuk mengemukakan dalam keterangan, percakapan Mohd Sabri (IDD18) yang telah dirakamkan oleh pihak polis sebagai percakapan dalam pemeriksaan di bawah s 112 Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ'). Peguam menambah bahawa oleh itu adalah perlu bagi pihak pendakwaan memanggil Mohd Sabri untuk memberi keterangan atau sekurang-kurangnya menawarkannya kepada pihak pembelaan. Peguam berhujah bahawa kegagalan pihak pendakwa berbuat demikian membawa padah kepada kes pendakwaan, dan YA hakim bicara telah melakukan salah arah kerana tidak membuat keputusan bahawa pihak pendakwaan telah gagal memenuhi tanggungjawabnya untuk memanggil kesemua saksi yang penting bagi membentangkan naratif kes pihak pendakwaan (*All witnesses essential to the unfolding of the narratives of the prosecution case*). *Ti Chuee Hiang v Public Prosecutor* [1995] 2 MLJ 433 telah dikemukakan sebagai otoriti. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Pertamanya, hujah peguam itu telah secara tidak langsung menimbulkan persoalan sama ada adverse inference di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai terhadap pihak pendakwaan. *Adverse inference* di bawah seksyen tersebut hanya akan dipakai dalam keadaan di mana terdapat 'withholding or suppression of evidence' oleh pihak pendakwaan, dan bukan semata-mata kerana ia gagal mengemukakan keterangan (lihat *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492 (Mahkamah Agong), *Mohd Shamshir bin Md Rashid v Public Prosecutor* [2008] 5 MLJ 80; [2008] 5 AMR 29). Dalam kes di hadapan kami ini tidak terdapat 'withholding or suppression of evidence' (iaitu keterangan Mohd Sabri) oleh pihak pendakwaan. Malahan kami dapati pihak pendakwaan telah cuba untuk memasukkan percakapan Mohd Sabri kepada polis (IDD18) dalam keterangan di bawah s 32(1)(i) Akta Keterangan 1950. Dalam hujah mereka di hadapan YA hakim bicara, pihak pendakwaan menyatakan bahawa mereka berbuat demikian untuk mengelakkan *adverse inference* di bawah s 114(g) Akta Keterangan dikenakan terhadap mereka. Untuk menyokong permohonan tersebut pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan melalui SP8 tentang pelbagai usaha yang telah dilakukan untuk mengesan Mohd Sabri di rumah sewanya di Bukit Gambir dan di alamat terakhirnya yang diperolehi dari Jabatan Pendaftaran Malaysia (lihat P22), iaitu, No 195, Pasir Gebu, 13110 Penaga Pulau Pinang. Pada 22 Julai 2005, SP8 telah pergi ke alamat tersebut tetapi gagal menemui Mohd Sabri. Menurut Asmah Mat, emak Mohd Sabri, Mohd Sabri tidak ada di rumah dan tidak menghubunginya dan dia tidak tahu di mana Mohd Sabri

berada. Pada 11 Julai 2005 dan pada 22 Julai 2005 atas arahan SP8, D/Kpl 87703 Ismail Jaafar telah pergi ke alamat tersebut untuk mendapatkan Mohd Sabri hadir sebagai saksi dalam kes ini, tetapi gagal mengesannya. Selain itu, menurut SP8 sebagai usaha terakhir untuk mengesan Mohd Sabri, dia telah membuat hebahan dalam tiga akhbar tempatan, iaitu, *Utusan Malaysia*, *Berita Harian* dan juga *Harian Metro* (P24(a)–(b) dan P25). Segala usaha pihak polis itu gagal mengesan Mohd Sabri. Malangnya segala usaha tersebut tidak dapat meyakinkan YA hakim bicara untuk menerima masuk IDD18 dalam keterangan. Ini adalah kerana YA hakim bicara memutuskan bahawa usaha yang telah dilakukan oleh pihak pendakwaan untuk mengesan Mohd Sabri adalah tidak mencukupi. Ertinya, ada usaha dilakukan, tetapi usaha itu adalah tidak cukup untuk membuktikan bahawa kehadiran Mohd Sabri 'cannot be procured without an amount of delay or expense which under the circumstances of the case appears to be unreasonable' — iaitu pra-syarat bawah penerimaan IDD18 di bawah s 32(1)(i) Akta Keterangan 1950. Tetapi ini tidak bererti bahawa pihak pendakwaan telah melakukan 'withholding or suppression of evidence'. Jadi, s 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah tidak terpakai. Alasan kedua (dan yang lebih penting) tentang kenapa kami tidak dapat menerima hujah peguam berkaitan dengan kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil Mohd Sabri memberi keterangan adalah seperti berikut. Keputusan sama ada seseorang saksi itu hendak dipanggil memberi keterangan atau tidak adalah hak pihak pendakwa. Tanggungjawab mahkamah ini ialah memutuskan sama ada, berdasarkan keterangan yang ada di hadapannya, pihak pendakwa telah membuktikan kes prima facie. Mahkamah perlu memutuskan samada kegagalan memanggil Mohd Sabri dalam keadaan yang telah dijelaskan tadi dan kewujudan ciri-ciri yang tidak memuaskan seperti yang didakwa oleh peguam Aszahaddi, menjadikan kes pendakwaraya gagal mencapai tahap pembuktian yang dikehendaki di bawah undang-undang. Pada hemat kami ini adalah jelas dari penghakiman Mahkamah Agong dalam kes *Teoh Hoe Chye v Public Prosecutor; Yeap Teong Tean v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 220, di mana di ms 229 Abdul Hamid HB (Malaya) (pada masa itu), telah menyatakan:

> As it was clear that Supt Lum was given custody of the exhibits soon after the arrest of the appellants, it is reasonable to assume that police statements would have been taken from him and that he would ordinarily have been called to give evidence. He was however not called. *Nevertheless, the decision whether to call or not to call a witness including a witness from whom a statement has been taken is always the right of the prosecution* (*Abdullah Zawawi v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 16). *Insofar as the trial court is concerned, its duty is essentially to decide whether on the evidence before it the prosecution has proved its case, and if there are unsatisfactory features in the*

prosecution case to determine whether, in the light of such features, the prosecution case fell short of proof beyond reasonable doubt (*Abdullah Zawawi*'s case).

Dalam kes *Abdullah Zawawi v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 16 di ms 18–19 Yang Amat Arif Salleh Abas KHN menyatakan:

> The practice of making available a witness or witnesses from whom statements have been taken is to prevent the defence from commenting upon the honesty of the prosecution and thus invoking the often quoted presumption of adverse inference under s 114(g) of the Evidence Act. But where the prosecution evidence falls short of proving a prima facie case at the end of its case, the right not to call such witness/witnesses and to make him/them available to the defence will be of no avail. If the doubt consists of the gap arising out of the matters adumbrated earlier, the prosecution must close this gap. It is not for the defence to call the offered witness/witnesses to supplement the prosecution case.

Dalam kes ini dalam pengamatan kami, Mohd Sabri bukanlah saksi yang kehadirannya diperlukan untuk membentangkan naratif kes pihak pendakwaan (*essential to the unfolding of the narrative of the prosecution case*) (lihat *Ti Chuee Hiang v Public Prosecutor* [1995] 2 MLJ 433). SP6 adalah saksi yang penting bagi membuktikan kes pihak pendakwaan. Keterangan SP6 membentangkan naratif yang lengkap tentang apa yang berlaku dari masa Aszahaddi sampai ke pondok tol dan turun dari motosikal sehingga ke masa dia ditangkap dan lima ketulan mampat dadah berbahaya dirampas darinya di tempat kejadian. SP6 bukanlah seorang saksi yang keterangannya memerlukan sokongan dari segi undang-undang. Tetapi dalam kes ini keterangan SP6 telah disokong oleh keterangan SP7 yang ada bersama-sama SP6 pada masa yang material. Seperti yang telah kami huraikan, berdasarkan kepada keterangan SP6 dan SP7 berserta dengan keterangan SP5 dan saksi-saksi lain yang telah dipanggil oleh pihak pendakwaan, YA hakim bicara telah memutuskan (dan kami bersetuju dengan beliau) bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie terhadap Aszahaddi.

Penilaian pembelaan Aszahaddi

[29] Peguam berhujah bahawa YA hakim bicara telah gagal untuk menimbangkan dengan wajarnya pembelaan Aszahaddi. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Di bahagian lain penghakiman ini kami telah pun membentangkan intipati pembelaan Aszahaddi. Elemen-elemen penting dalam pembelaan Aszahaddi adalah seperti berikut. Pertama, apabila Mohd Sabri datang menjemputnya dengan motosikal di terminal bas di Butterworth, dia nampak beg P11 berada di dalam raga motosikal tersebut. Dia tidak tahu beg itu kepunyaan siapa. Dia juga tidak tahu apa kandungan beg tersebeut. Kedua, Aszahaddi tidak menafikan bahawa dia membonceng motosikal tersebut dan bahawa apabila dia dan Mohd Sabri sampai di Plaza Tol Jambatan

Pulau Pinang, dia nampak ada satu sekatan jalan raya polis selepas pondok tol di lorong motosikal dan bahawa semasa motosikal sedang beratur untuk membayar tol, dia telah turun dari motosikal tersebut dan pergi ke satu kawasan lanskap berhampiran dengan pondok tol No 10 untuk membuang air kecil. Pada masa dia turun dari motosikal tersebut beg P11 masih ada dalam raga motosikal tersebut. Ertinya, secara tidak langsung dia menyatakan bahawa semasa dia turun dari motosikal tersebut, dia tidak membimbit beg P11 seperti yang dinyatakan oleh SP6 dan SP7 dalam keterangan mereka. Ketiga, semasa dia sedang buang air kecil dia telah didatangi oleh SP7 yang telah membawanya ke sebuah pondok tol No 10 di mana beg P11 berada dan di situ SP7 telah menyuruhnya mengaku sebagai tuan punya beg tersebut. YA hakim bicara peka dengan semua ini (lihat ms 285–287). YA hakim bicara peka bahawa daripada keterangannya, pembelaan Aszahaddi ialah bahawa dia tidak ada apa-apa kaitan dengan beg P11 dan dadah yang dijumpai dalam beg tersebut, dan bahawa mungkin beg tersebut dan dadah di dalamnya adalah kepunyaan Mohd Sabri. Kami dapati dalam menimbangkan keterangan Aszahaddi, YA hakim bicara sedar dan telah dengan betul mengarahkan dirinya bahawa beliau mungkin tidak yakin dengan kebenaran keterangan pembelaan Aszahaddi, tetapi jika keterangan Aszahaddi itu menimbulkan keraguan yang munasabah Aszahaddi mesti dibebaskan (lihat *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169, di ms 171). Berpandukan petunjuk undang-undang yang demikian, YA hakim bicara telah menilai keterangan Aszahaddi bersekali dengan keseluruhan keterangan yang telah diberikan oleh saksi-saksi pihak pendakwaan — SP6 dan SP7. YA hakim bicara mendapati bahawa cerita Aszahaddi bahawa beg P11 telah sedia ada di pondok tol No 10 di mana dia telah dibawa oleh SP7 dari tempat di mana dia mendakwa dia sedang buang air adalah rekaannya. YA hakim bicara juga mendapati bahawa dakwaan Aszahaddi bahawa semasa dia sedang buang air dia telah didatangi oleh SP7 dan telah dibawa oleh SP7 ke pondok tol No 10 adalah tidak munasabah. Sehubungan ini dalam penghakimannya YA hakim bicara menjelaskan:

> Saya dapati cerita OKT bahawa beg P11 telah sedia ada di pondok tol No 10 dan OKT dibawa ke situ oleh SP7 dan disuruh mengaku adalah rekaan OKT sahaja. Jika keterangan OKT diteliti secara terperinci maka dapat dilihat keterangan yang diberi adalah tidak munasabah. Ini adalah kerana OKT mendakwa semasa dia dijemput oleh Sabri di perhentian bas Butterworth, beg P11 dilihat berada di tempat letak barang motosikal. Semasa dia turun dari motosikal beg yang sama P11 masih berada di tempat yang sama. Pada masa yang sama OKT mendakwa apabila dia dibawa oleh SP7 ke pondok No 10 beg P11 berada di situ. Jika ini benar (saya dapati ini tidak benar) maka satu cara beg P11 boleh berada di tol No 10 adalah ianya diletakkan di situ oleh Sabri. Meneliti keterangan kes ini saya dapati Sabri tidak mungkin meletakkan beg P11 di situ. Ini adalah kerana pondok tol No 10 bukan berada berdekatan dengan lorong motosikal di mana motosikal berhenti. Ia juga tidak berada di lorong yang sama dengan lorong motosikal. Pondok tol No 10

dengan lorong motosikal tempat di mana motosikal berhenti dipisahkan oleh tidak kurang dari tiga lorong kereta. Antara lorong motosikal dengan lorong kereta terdapat penghalang simen yang menghalang motosikal dari lorong motosikal memasuki lorong kereta (lihat gambar P3a–P3j). Ini bermakna tidak mudah dan tidak mungkin untuk 'Sabri' pergi ke tol No 10 dari lorong motosikal dan meletakkan beg P11 di situ tanpa dilihat oleh SP6 atau SP7. Keadaan ini bila dibanding dengan keterangan SP6 dan SP7 yang dengan jelas memberitahu mereka melihat OKT turun dari motosikal dan berjalan menuju tol No 10 sambil membimbit beg P11, saya tidak mempunyai keraguan untuk menerima versi SP6 dan SP7 sebagai apa yang sebenarnya berlaku pada hari tersebut.

[30] Berdasarkan kepada huraiannya yang tersebut itu YA hakim bicara mendapati bahawa pembelaan Aszahaddi tidak menimbulkan keraguan yang munasabah. YA hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan melepasi keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*) bahawa Aszahaddi telah mengedar dadah berbahaya, iaitu, 4,562g kanabis.

[31] Dapatan-dapatan yang dibuat oleh YA hakim bicara seperti yang telah kami huraikan itu bergantung kepada kebolehpercayaan saksi-saksi pihak pendakwaan (SP6 dan SP7) di satu pihak dan kebolehpercayaan Aszahaddi di satu pihak yang lain. Dalam perkara tentang kebolehpercayaan, kami mesti menghormati pandangan YA hakim bicara terutama apabila seperti yang telah dilakukan dalam kes ini, beliau telah memberikan alasan-alasan yang meyakinkan dalam huraian beliau. Untuk menilai kebolehpercayaan saksi-saksi YA hakim bicara berada dalam keadaan yang lebih baik dari kami yang menghakimkan kes ini di peringkat rayuan dengan bergantung kepada keterangan-keterangan yang ada dalam rekod rayuan (lihat *Andy bin Bagindah v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 644; [2003] AMR 2611). Dalam *Dato Mokhtar bin Hashim v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232 di ms 275 Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> The Privy Council said in *Caldeira v Gray* that the functions of an appellate court, when dealing with a question of fact, and a question of fact in which questions of credibility are involved, are limited in their character and scope, and that in an appeal from a decision of a trial judge based on his opinion of the trustworthiness of witnesses whom he has seen, an appellate court must in order to reverse, not merely entertain doubts whether the decision below is right but be convinced that it is wrong.

Begitulah juga kedudukannya dalam kes ini. Setelah menimbangkan sendiri dengan teliti keterangan yang ada dalam rekod rayuan kes ini, kami memutuskan bahawa YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila beliau mendapati Aszahaddi bersalah dan mensabitkannya atas kesalahan mengedar dadah berbahaya, iaitu 4,562g kanabis.

[32] Oleh itu rayuan Aszahaddi ditolak. Sabitan dan hukuman mati terhadapnya dikekalkan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh MF Ibrahim